

SEPTEMBER  
2024

# e-Lingua

3/2024



✓ <u>Chief Editor's Desk</u>	<u>2</u>
✓ <u>News &amp; Reports</u>	<u>7</u>
✓ <u>Language Club News &amp; Reports</u>	<u>16</u>
✓ <u>Image &amp; Lifestyle</u>	<u>44</u>
✓ <u>Pet Lovers' Central</u>	<u>70</u>
✓ <u>Lecturer's Contribution</u>	<u>93</u>
✓ <u>Creative Corner</u>	<u>119</u>
✓ <u>The Team</u>	<u>131</u>





# LANGUAGE CLUB

## NEWS/REPORT



<u><a href="#">Madrasah Visit</a></u>	<u><a href="#">17</a></u>
<u><a href="#">Frenchy F&amp;B</a></u>	<u><a href="#">20</a></u>
<u><a href="#">Penyayang Charity Fun Run</a></u>	<u><a href="#">22</a></u>
<u><a href="#">A Roaring Good Time</a></u>	<u><a href="#">25</a></u>
<u><a href="#">MARAK</a></u>	<u><a href="#">27</a></u>
<u><a href="#">UiTM-MRIQ MoU</a></u>	<u><a href="#">30</a></u>
<u><a href="#">Open Mic Nights</a></u>	<u><a href="#">33</a></u>
<u><a href="#">CatChateau Transit</a></u>	<u><a href="#">37</a></u>



## **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Antara UiTM dan Maahad Riyadhil Quran (MRIQ) pada 18 Mei 2024**

*Oleh Noor Azli Affendy Lee & Dr. Nor Hanim Abd Rahman*

*Pada 18 Mei 2024, satu majlis bersejarah telah berlangsung di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP), di mana Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara UiTM dan Maahad Riyadhil Quran (MRIQ). Perjanjian ini mencerminkan komitmen kedua-dua institusi dalam memperkukuhkan kerjasama dalam bidang akademik dan keagamaan, serta mempromosikan pembangunan pendidikan yang holistik. MoU ini merupakan inisiatif Encik Noor Azli Affendy Lee, pensyarah kanan Akademi Pengajian Bahasa (APB) dan Dr. Nor Hanim Abd Rahman, pensyarah kanan Jabatan Sains Komputer & Matematik yang kerap menjalankan program melibatkan MRIQ.*



*Majlis tersebut disempurnakan oleh Yang Berbahagia Profesor TPr. Dr. Jamalunlaili Abdullah, Timbalan Naib Canselor UiTM, yang menekankan betapa pentingnya kolaborasi ini dalam ucapan beliau. Prof. Jamalunlaili menzahirkan rasa terhormatnya atas kehadiran semua yang terlibat dan menyatakan bahawa perjanjian ini akan membuka peluang baharu untuk kedua-dua institusi.*

**MoU ini mempunyai beberapa objektif utama, termasuk:**

- **Peluang Pembelajaran dan Penyelidikan:** Pelajar dari kedua-dua institusi akan diberi peluang untuk menghadiri kelas atau program dalam tempoh pengajian atau penyelidikan. Ini akan memperkayakan pengalaman akademik mereka dengan menggabungkan pendidikan agama dan keagamaan dengan pembelajaran akademik.
- **Pembangunan Kurikulum Bersama:** Kedua-dua institusi akan bekerjasama untuk membangunkan kurikulum yang mengintegrasikan pendidikan agama dengan pendidikan akademik. Langkah ini adalah usaha progresif untuk melahirkan generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga kukuh dalam kefahaman agama.
- **Pertukaran Maklumat dan Penyelidikan:** MoU ini juga menekankan kepentingan pertukaran maklumat mengenai perkembangan dalam pendidikan, penyelidikan, dan komuniti. Kolaborasi dalam penyelidikan dan pembangunan di bidang keagamaan dan akademik akan menjadi fokus utama.
- **Aktiviti Khidmat Masyarakat:** Kerjasama ini tidak terhad kepada bidang akademik sahaja. Ia juga merangkumi kolaborasi dalam aktiviti khidmat masyarakat seperti kempen kebajikan, program sukarelawan, dan inisiatif bantuan kepada masyarakat setempat.
- **Promosi Aktiviti Rakan Universiti:** Maklumat dan aktiviti rakan universiti di bawah MoU ini akan diuar-uarkan di laman web institusi masing-masing, dengan kebenaran bertulis untuk penggunaan nama, logo atau tanda dagang.





*Dalam ucapan beliau, Dr. Jamalunlaili juga menyatakan harapan beliau agar MoU ini bukan sahaja menjadi simbol kerjasama tetapi juga menjadi titik permulaan kepada kejayaan bersama yang lebih besar di masa hadapan. Ucapan beliau diakhiri dengan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam merealisasikan perjanjian ini dan mendoakan kejayaan untuk semua.*



*Turut menghadiri majlis adalah wakil-wakil dari MRIQ, Tuan Haji Ahmad Shukor Mohd Saad, Pengerusi MRIQ dan Wan Muhammad Nurhanis Wan Pazilah selaku saksi dari MRIQ. Dari pihak UiTM CPP pula, majlis disaksikan oleh Rektor Kampus, Profesor Dato' Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy Razali serta beberapa ahli Lembaga Eksekutif Tertinggi UiTM CPP iaitu Profesor Madya Ts. Dr. Kay Dora Abd Ghani (Timbalan Rektor PJIM&A), Encik Amir Heberd Abdullah (Penolong Rektor Kampus Bertam), dan Tuan Haji Ahmad Faizar Jaafar (Timbalan Ketua Pustakawan).*

*Dengan MoU ini, UiTM CPP dan MRIQ berhasrat untuk mewujudkan sinergi yang dapat memberi manfaat besar kepada pelajar, penyelidik, dan komuniti yang terlibat, serta menyumbang kepada pembangunan pendidikan yang menyeluruh dan berkesan di Malaysia. Semoga usaha murni ini diberkati dan membawa kejayaan yang berterusan.*